

# Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia

Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid\*

## Abstract

*Ijtihad has been practiced by Islamic scholars since long time ago in solving several emergent issues. During that time through ijtihad, fatwa has been produced but treated merely as personal opinion. Nowadays, the role of Islamic scholars in producing fatwa in Malaysia is said to have been taken by the government through the appointment of Fatwa Committee. This article discusses the transmission of the role in order to formalize fatwa and to make it binding.*

## Pendahuluan

Dalam tradisi Pengajian Syariah, masalah fatwa bukan suatu persoalan penting. Dalam kitab-kitab Usul-Fiqh, iaitu yang menghurai tentang metodologi penyelidikan hukum Islam, masalah fatwa ini hanyalah merupakan suatu persoalan kecil di bawah tajuk ijtihad.<sup>1</sup>

Dalam bahasa yang mudah difahami sekarang, ijtihad bererti penyelidikan tentang hukum. Ia tertakluk kepada kaedah ilmiah tertentu. Secara praktikalnya kaedah ini diwarisi daripada Rasulullah s.a.w. sendiri. Bagaimanapun, kemudiannya ia dibina sebagai suatu disiplin pengajian yang lengkap bermula dengan penulisan buku *al-Risālah* oleh al-Imām al-Syāfi‘i (150-204H.). Disiplin pengajian ini kemudiannya dikenali sebagai Usul-Fiqh atau metodologi penyelidikan hukum Islam.<sup>2</sup>

---

\* Professor di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

<sup>1</sup> Lihat misalnya: al-Āmidī (1347H), *al-Iḥkām Fī Usūl al-Aḥkām*, Jld. 3. Kaherah: Matba‘ah Subayh, h. 167; al-Syaukani (1349H), *Irsyād al-Fuhūl*. Kaherah: Matba‘ah Subaih, h. 234.

<sup>2</sup> Lihat: Ibnu Khaldun (tt), *Muqaddimah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 360.

Berasaskan kepada realiti yang sama juga fatwa pada mulanya tidak lebih daripada pandangan akademik para ulama di bidang fiqh atau dikenali sebagai fuqaha. Ia merupakan tugas akademik yang bertaraf fardu kifayah atau boleh diterjemahkan dalam bahasa semasa sebagai kewajipan atau tanggungjawab sosial bagi ulama berkenaan. Bagaimanapun, ia boleh bertukar menjadi fardu 'ain, iaitu tugas atau tanggungjawab peribadi mengikut keperluan semasa, sama seperti fardu-fardu kifayah yang lain.<sup>3</sup>

Ini bererti, semua para fuqaha yang berwibawa memikul tugas sebagai mufti, iaitu pihak yang akan memberi fatwa kepada masyarakat mengikut pandangan masing-masing. Dengan kata lain, tiada mufti yang dilantik khusus untuk memberi fatwa, kerana setiap para ulama adalah dengan sendirinya layak berperanan sebagai mufti, malah memang menjadi tanggungjawab mereka untuk memberi fatwa kepada masyarakat.

Dalam keadaan seperti itu, segala pandangan atau fatwa para mufti berkenaan tidak lebih daripada pandangan akademik semata-mata, dan tidak mengikat sesiapa.<sup>4</sup> Cuma masyarakat awam, iaitu mereka yang tidak mampu berijtihad (*muqallid*) perlu diikat dengan salah satu daripada mana-mana fatwa yang diberikan kalau ada lebih daripada satu.<sup>5</sup>

Bagaimanapun, para pemerintah Islam kemudiannya merasa perlu untuk menginstitusikan fatwa ini dengan lebih teratur. Bagi tujuan tersebut jawatan mufti telah diwujudkan dan mufti dilantik sebagai pegawai awam.<sup>6</sup> Dengan pelantikan itu fatwa telah bersifat menjadi sesuatu yang rasmi dan lebih mengikat berbanding dengan sebelumnya.

## Konsep Fatwa

Secara umumnya fatwa bererti kenyataan tentang hukum Allah oleh seseorang mufti.<sup>7</sup> Kata para ulama, mufti adalah orang yang memberi fatwa tentang masalah

---

<sup>3</sup> Lihat al-Imam Ahmad Ibn Hamdan al-Harrāni (1397H), *Sifat al-Fatwā Wa al-Muftī Wa al-Mustafī*, ed. Ke-3. Beirut, h. 6-7.

<sup>4</sup> *Ibid.*, h. 71.

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 71-73.

<sup>6</sup> Hal ini mula berlaku di zaman khalifah 'Umar Ibn 'Abd al 'Azīz yang memerintah sebagai Khalifah Bani Umayyah antara tahun 96-101H.

<sup>7</sup> Lihat: al-Qarrāfi (tt), Jld. 4, *al-Furūq*. Kaherah: al-Halabi, h. 53.

yang berkait dengan hukum syarak.<sup>8</sup> Untuk memberi fatwa mereka perlu mampu berijtihad,<sup>9</sup> atau dalam bahasa yang digunakan di atas perlu mampu melakukan penyelidikan secara ilmiah. Dalam bahasa yang mudah difahami sekarang, mufti perlu terdiri daripada kalangan ahli akademik yang berwibawa.

Bagaimanapun, konsep ijtihad itu amat luas sekali. Paling tinggi ialah *ijtihād mutlaq*, iaitu yang melibatkan teori original yang menyeluruh. Sementara yang paling rendah pula ialah *ijtihād tarjīh*, iaitu sekadar melakukan penelitian atau ulangkaji hasil penulisan (*literature review*) para fuqaha terdahulu yang sedia ada.<sup>10</sup>

Dalam sejarahnya yang lama, ijtihad dan fatwa ini telah menempuh atau mengalami berbagai-bagai corak perkembangan, baik secara positif mahu pun negatif. Sebenarnya ia dimulakan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri dan kemudiannya diwarisi dari zaman ke zaman sampailah ke hari ini.

Namun, apa pun juga perkembangan yang dialami fatwa hanya berlaku dalam dua format sahaja. Pertamanya menerangkan hukum seperti mana yang jelas terdapat dalam wahyu, iaitu nas al-Quran dan al-Sunnah, sementara keduanya pula menerangkan hukum berasaskan kepada ijtihad, iaitu dalam kes-kes yang hukumnya tidak terdapat secara jelas daripada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah tadi.<sup>11</sup>

Fatwa dalam format pertama tidak banyak menghadapi masalah, kerana rujukan secara jelas dapat dibuat kepada al-Quran dan al-Sunnah. Terutama pada zaman ini al-Quran dan al-Sunnah mudah dirujuk, begitu juga tafsir al-Quran dan Syarah hadis yang berautoriti (*mu'tabar*) semuanya sudah ada dalam bentuk tulisan yang bercetak. Apa yang perlu ialah pengetahuan tentang al-Quran dan al-Sunnah dan kemahiran dalam melakukan ulangkaji terhadap pandangan para *mufasssīrīn* dan *Syurrah*, juga pandangan para *fuqahā'* dalam tulisan masing-masing.

Apa yang menjadi persoalan ialah fatwa dalam format kedua, iaitu yang berasaskan kepada ijtihad. Ia melibatkan persoalan-persoalan hukum yang tidak

---

<sup>8</sup> Lihat: Ibn Qayyim al-Jauzuyah (1968), *I'lām al-Muwaqq'īn*, Jld. 4. Kaherah: Maṭba'ah al-Nahḍah al-Jadīdah, h. 175.

<sup>9</sup> Lihat: al-Amidi, *op.cit.*, Jld. 4, h. 221; al-Syaukani, *op.cit.*, h. 265.

<sup>10</sup> Lihat: Nadiyah Syarif al-Umri (2001), *al-Ijtihād Fi al-Islām*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, hh. 173-193.

<sup>11</sup> Lihat: Syed Muhammad Musa Tawana (1972), *al-Ijtihād Wa Mada Hājātuna Ilaihi Fī Hād-zā al-'Asr*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadīthah, h. 25.

disebut secara jelas dalam al-Quran dan al-Sunnah. Bagaimanapun, jawapan terhadapnya perlu tidak lari daripada kehendak al-Quran dan al-Sunah sendiri memandangkan hanya al-Quran dan al-Sunnah sahajalah yang merupakan sumber-sumber hukum Islam.

Untuk lebih senang difahami situasi ini, baik sekali disebut di sini bahawa al-Quran dan al-Sunnah pada keseluruhannya mengandungi idealisme pengajaran Islam yang boleh difahami pertamanya melalui nas-nas yang terdapat di dalamnya, dan keduanya melalui semangat keseluruhan al-Quran dan al-Sunnah itu sendiri. Untuk berjihad idealisme ini perlu difahami betul-betul dan kemudian perlu direalisasikan dengan bijak dan tepat sesuai dengan realiti semasa dan setempat yang menimbulkan persoalan tentang hukum berkenaan.

Kebijaksanaan dan ketepatan dalam usaha merealisasikan idealisme Syariah dan realiti hidup ini boleh diukur melalui kejayaan menyesuaikan antara idealisme yang komprehensif dan universal itu dengan realiti hidup yang khusus dan terhad. Pada titik ini ijtihad-ijtihad yang dilakukan boleh menghasilkan natijah yang berbeza-beza dan tiada hasil ijtihad yang boleh bersifat kekal dan abadi, tetapi sebaliknya sentiasa terdedah kepada perubahan.

## **Fatwa dan Ijtihad**

Amalan berjihad dalam memberi fatwa ini telah berlaku seawal zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Bagaimanapun, ia berlaku dalam ruang yang sempit dan kekerapan yang jarang.<sup>12</sup> Biasanya kalau ada apa-apa persoalan tentang hukum wahyu akan turun. Tetapi kalau wahyu lambat turun,<sup>13</sup> baginda Rasulullah s.a.w. akan berjihad dan tidak membiarkan masyarakat tanpa jawapan kepada persoalan-persoalan berkenaan.<sup>14</sup>

Berasaskan kepada panduan Rasulullah s.a.w. sendiri, para sahabat juga berjihad. Hal seperti ini berlaku apabila timbul persoalan tentang hukum di kalangan

---

<sup>12</sup> Lihat: Muhammad Abu Zahrah (tt), *Fī Tārīkh al-Madzāhib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, hh. 8-12.

<sup>13</sup> Murghi itu adalah satu cara untuk menyatakan perlu berjihad dan memberi peluang kepada baginda Rasulullah s.a.w. mengajar para sahabat bagaimana berjihad.

<sup>14</sup> Antara kes-kes yang biasa disebut sebagai contoh ialah kes tawanan perang Badar, kes sembahyang mayat atas orang munafik dan lain-lain lagi.

mereka sewaktu berada jauh daripada Rasulullah s.a.w. Banyak contoh-contoh ijtihad seperti ini yang disebut dalam penulisan-penulisan tentang sejarah perundangan Islam.<sup>15</sup>

Bagaimanapun, hasil ijtihad berkenaan dipakai untuk sementara sahaja. Wahyu kemudiannya akan turun menentukan hukum yang sebenarnya, sama ada tepat atau tidak tepat dengan hasil ijtihad yang dilakukan itu. Dari segi pengajian Usul Fiqh atau metodologi hukum Islam, ini menunjukkan bahawa ijtihad belum lagi diterima sebagai kaedah menentukan hukum pada waktu itu memandangkan proses penentuan semua aspek idealisme Islam masih belum selesai kerana wahyu masih terus turun.<sup>16</sup> Namun, apa yang penting dalam tulisan ini bahawa ijtihad bagi tujuan memberi fatwa sudah berlaku sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi.

Menjelang kewafatan Baginda Rasulullah s.a.w. idealisme Islam yang diturunkan melalui wahyu itu sudah lengkap dan sempurna.<sup>17</sup> Dengan itu penentuan dasar bagi Syariah Islam sudah selesai. Tinggal lagi yang perlu dilakukan ialah proses pengembangan dasar itu. Ia boleh dilakukan melalui ijtihad. Al-Quran sendiri menyatakan ijtihad boleh dilakukan.<sup>18</sup> Rasulullah s.a.w. juga menegaskan perkara yang sama.<sup>19</sup>

Oleh yang demikian, apabila sahaja Rasulullah s.a.w. wafat, ijtihad terus berfungsi sebagai cara yang diterima dalam memperkembangkan idealisme Syariah. Dengan itu juga para fuqaha mula berijtihad secara lebih meluas dengan menggunakan berbagai-bagai metod yang diiktiraf oleh al-Quran dan al-Sunnah.

Bagaimanapun dalam berijtihad, para fuqaha sejak pada zaman sahabat lagi mengalami perbezaan pendapat. Pada mulanya tidak begitu ketara, tetapi lama-kelamaan semakin ketara, terutama apabila para ulama dari kalangan para sahabat keluar daripada Madinah mencari destinasi masing-masing di seluruh dunia Islam yang sudah menjadi semakin luas.<sup>20</sup>

---

<sup>15</sup> Lihat sebagai contoh, Syed Muhammad Musa Tawana, *op.cit.*, hh. 29-31.

<sup>16</sup> Lihat: *Ibid.*, hh. 237-297.

<sup>17</sup> Lihat maksud ayat *Surah al-Mā'idah (5) : 3*

<sup>18</sup> Seperti mana yang terdapat dalam *Surah al-Hasyr (59) : 2*.

<sup>19</sup> Hadis Muttafaq 'alaih mengenai penegasan Rasulullah s.a.w. kepada Mu'adz Ibn Jabal sewaktu baginda menghantar beliau menjadi gabenor di Yaman.

<sup>20</sup> Muhammad Abu Zahrah. *op.cit.*, hh. 15-16.

Sebenarnya dalam berijtihad, para fuqaha daripada kalangan sahabat mempunyai dua aliran. Aliran pertama lebih cenderung berijtihad melalui metod *qiyās*, atau boleh diterjemahkan sebagai analisis perbandingan. Sementara aliran kedua pula lebih cenderung kepada metod *maṣlaḥah*, yang boleh diterjemahkan sebagai pragmatik.<sup>21</sup> Dalam perkembangan selanjutnya aliran *qiyās* menjadi asas kepada pembangunan mazhab Hanafi di Iraq, sementara aliran *maṣlaḥah* menjadi asas kepada pembangunan mazhab Maliki di Madinah. Mazhab al-Syāfi 'i lahir berasaskan kedua-dua mazhab di atas. Antara mazhab-mazhab yang kemudiannya dibangunkan berasaskan kepada Mazhab al-Syāfi 'i ialah mazhab Hanbali dan Mazhab Zāhiri.

Zaman kelahiran mazhab-mazhab ini merupakan zaman keemasan dalam sejarah perkembangan hukum Islam. Hukum-hukum dan fatwa-fatwa yang dilahirkan pada waktu itu cukup maju sekali dan sebahagian daripadanya mendahului zaman. Semua hasil ijthad dan fatwa ini kemudian diwariskan kepada generasi-generasi seterusnya sama ada melalui lisan atau pun tulisan. Pewarisan ini kadangkala dibuat dengan tokok tambah sesuai dengan prinsip terus berkembang pada waktu itu. Hal seperti ini berlaku sehinggalah kepada zaman *taqlīd*, di mana penambahan dan penilaian semula hukum-hukum yang diwarisi itu tidak lagi berlaku. Pada waktu itu ijthad dikira seolah-olah sudah mati dan fatwa tidak lagi berdasarkan kepada ijthad, tetapi berasaskan pandangan-pandangan lama yang diwarisi dari generasi zaman sebelum itu.

Kemudian lahir kesedaran untuk berijtihad kembali bagi memenuhi kekosongan hukum yang begitu ketara akibat daripada amalan bertaqlid pada waktu sebelum itu. Berasaskan semangat baru ini telah lahir para fuqaha reformis seperti Ibn Taymiyah, Ibn al-Qayyim dan sebagainya. Pembaharuan ini kemudiannya berkembang sedikit demi sedikit sampailah ke hari ini.

## Ijthad dan Fatwa Semasa

Al-Qaradhawi dalam buku beliau *al-Ijtihād al-Mu'āṣir* menegaskan bahawa ijthad semasa perlu dilakukan, bukan setakat untuk menjawab persoalan semasa tetapi juga untuk menilai kembali hasil ijthad dan fatwa zaman lampau yang tidak lagi sesuai dengan keadaan-keadaan zaman sekarang.<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup> *Ibid.*, hh. 17-18.

<sup>22</sup> Yusuf al-Qaradhawi (1993), *al-Ijtihād al-Mu'āṣir Baina al-Inḍibāt Wa al-Infitāh*. Kaherah: Dār al-Tauzi' Wa al-Nasyr, h. 12.

Sehubungan dengan itu, beliau menolak pandangan sesetengah kalangan yang berpendapat warisan fiqh yang kita warisi daripada para fuqaha terdahulu sudah cukup untuk menjawab semua persoalan yang timbul sekarang, memandangkan mutu pencapaian dan sifat futuristiknya yang tinggi. Kata beliau, ini bukan bererti kita memerlukan warisan fiqh yang sangat bermutu tinggi itu, apalagi merendahkan martabat para fuqaha silam yang sangat agung itu. Cuma tentu sekali suatu keterlaluan kalau kita sengaja menafikan realiti bahawa setiap zaman itu ada masalah, realiti dan keperluan tersendiri yang berbeza dengan realiti, keperluan dan masalah bagi zaman atau zaman-zaman sebelum atau selepasnya.<sup>23</sup>

Menyedari realiti ini, kata beliau, para fuqaha dahulu sendiri sentiasa menegaskan keperluan perubahan fatwa disebabkan perubahan masa, tempat, kelaziman dan keadaan. Penegasan ini terdapat di dalam buku-buku karangan mereka yang ditulis sejak zaman berzaman.

Sebagai contoh, kata beliau ada dua bidang yang sangat memerlukan ijtihad dan fatwa baru sekarang ini, iaitu bidang ekonomi dan kewangan dan bidang sains dan teknologi. Ini memandangkan terdapat berbagai-bagai aktiviti ekonomi dan kewangan, begitu juga pembaharuan di bidang sains dan teknologi yang tidak pernah ada pada zaman lampau.<sup>24</sup>

Selanjutnya beliau menolak tanggapan sesetengah kalangan yang melihat ijtihad dan fatwa semasa sebagai sesuatu yang sangat sukar dilakukan memandangkan banyak syarat yang perlu dipenuhi sebagaimana yang digariskan oleh para fuqaha terdahulu. Kata beliau, syarat-syarat yang ditetapkan oleh para fuqaha terdahulu itu tidaklah sangat sukar untuk dipenuhi. Tidak seperti mana yang disangkakan oleh mereka yang sengaja mahu menyempitkan ruang yang diluaskan oleh Allah dan menutup pintu rahmat yang dibuka oleh Allah kepada para hambanya, iaitu ijtihad.<sup>25</sup>

Bagi mempertegas lagi kata-kata beliau itu al-Qaradhawi menukilkan penegasan tiga tokoh ulama besar sebelum beliau, iaitu al-‘Allāmah al-Syed Rasyid Ridha, al-‘Allāmah al-Hajawi al-Fasi dan al-‘Allāmah Ahmad Ibrahim Bik.

---

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 5.

<sup>24</sup> *Ibid.*, hh. 7-13.

<sup>25</sup> *Ibid.*, h. 14

Kata al-'Allāmah al-Syed Rasyid Riḍa:

“Untuk melakukan ijhtihad yang mereka sebutkan itu bukanlah suatu perkara yang sangat susah. Ia hanya memerlukan kerja-kerja penyelidikan yang lebih kurang sama dengan yang diperlukan dalam kerja-kerja untuk memperoleh ijazah tinggi di bidang akademik sekarang ini.”<sup>26</sup>

Kata al-'Allāmah al-Hajawi:

“Untuk berijhtihad dalam abad kedua puluh ini jauh lebih senang daripada zaman dahulu. Ini kerana buku-buku yang memperkatakan tentang ijhtihad banyak sekali dicetak. Begitu juga dunia percetakan telah memudahkan pemindahan ilmu dari zaman ke zaman. Para ulama terdahulu menghadapi banyak kesusahan untuk mendapatkan bahan-bahan penyelidikan dan pembiayaan selepas lahirnya percetakan kesusahan tersebut tidak begitu serius lagi.”<sup>27</sup>

Kata al-'Allāmah Ahmad Ibrahim:

“Di sekeliling kita terdapat gedong penulisan yang sangat berharga, sama ada dalam bidang tafsir, hadis dan syarah hadis yang bukan senang diperolehi oleh para ulama kita di zaman lampau. Mereka pada waktu itu terpaksa merantau ke negeri-negeri yang sangat jauh untuk mendapatkan satu dua hadis. Berbagai-bagai ensaiklopedia yang sangat berharga juga telah ditulis tentang “*ghā'ib al-Quran*” dan “*ghā'ib al-Sunnah*”, begitu juga terdapat begitu banyak buku yang mengumpul ayat-ayat hukum, hadis-hadis hukum yang lengkap dengan tafsir dan syarah masing-masing, sama ada secara ringkas atau panjang lebar. Dalam perpustakaan peribadi pun buku-buku seperti ini ada. Ringkasnya, untuk berijhtihad pada zaman ini adalah suatu perkara yang mudah kerana keperluannya mudah didapati berbanding dahulu.”<sup>28</sup>

---

<sup>26</sup> Rasyid Riḍa, *Tafsīr al-Manār*, Jld. 5, h. 205.

<sup>27</sup> Al-Hajawi al-Fasi, *al-Fikr al-Sāmi*, Jld. 2, hh. 439-441.

<sup>28</sup> Ahmad Ibrahim, *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah: Dār al-Anṣār, h. 108.



Malah, kemajuan alat komunikasi sekarang termasuk komputer dan sebagainya begitu juga jaringan akademik yang begitu mantap di kalangan ahli-ahli akademik sekarang telah menjadikan ijtihad lebih mudah dilakukan daripada yang dinyatakan oleh para ulama besar di atas.

## **Fatwa di Malaysia**

Apa yang berlaku di negara-negara Islam pada umumnya berlaku juga di Malaysia. Pada peringkat awalnya tiada mufti yang dilantik secara khusus untuk memberi fatwa atau nasihat hukum secara rasmi baik kepada pemerintah mahu pun rakyat. Apa yang ada ialah para ulama yang memainkan peranan berkenaan di samping peranan-peranan keilmuan yang lain, seperti mengajar dan sebagainya.<sup>29</sup>

Bagaimanapun, kemudiannya terdapat keperluan untuk melantik para mufti sebagai penjawat awam yang khusus berperanan memberi fatwa atau nasihat hukum kepada pemerintah dan masyarakat umum. Secara umumnya pelantikan-pelantikan ini berlaku sejak sebelum kedatangan penjajah barat lagi, dan terus berlaku semasa di bawah penjajahan dan seterusnya selepas mencapai kemerdekaan sampailah ke hari ini.

Berasaskan kepada senarai para mufti di negeri-negeri di seluruh Malaysia,<sup>30</sup> mereka boleh dikatakan terdiri daripada para ulama tempatan yang berwibawa dalam bidang keagamaan. Bagaimanapun, masalah kemampuan sebenar mereka itu dalam memenuhi keperluan sebagai seorang mufti yang maju dan dinamis, terutama sekali dalam keadaan yang serba maju sekarang ini tidak senang untuk dipastikan.

Di peringkat awal pelantikan para mufti di negeri-negeri di Malaysia, tugas-tugas yang diberikan kepada mereka ini bukan sekadar memberi fatwa apabila diminta, sama ada oleh pihak pemerintah atau masyarakat umum. Sebenarnya, tugas yang diberikan kepada mereka lebih besar daripada itu. Sebagai contoh, Syaikh al-Islam (Mufti) negeri Kedah bukan sahaja ditugaskan untuk memberi fatwa sahaja, tetapi

---

<sup>29</sup> Lihat: W.G. Shallabear ed.(1896), *Sejarah Melayu*. Singapore: The Malayan Publishing House. h. 96; A Hasymy (1977), *59 Tahun Aceh Merdeka Di Bawah Pemerintahan Ratu*. Jakarta: Bulan Bintang, h. 176.

<sup>30</sup> Abdul Hamid @ Yusoff bin Yunus (1991), "Ijtihad dan Amalannya Dalam Pembinaan Fatwa Di Malaysia" (Disertasi Kesarjanaan Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya). hh. 3-10.

juga bertanggungjawab mengenai pentadbiran Majlis Agama Islam dan mengelolakan Mahkamah Syariah. Malah, beliau juga dilantik sebagai guru agama Di Raja dan hakim Mahkamah Rayuan.<sup>31</sup>

Manakala di Kelantan, selain tugas memberi fatwa, mufti juga diberi kuasa terhadap mahkamah Syariah.<sup>32</sup> Sebagai contoh, Mufti Haji Wan Mohammad bin Hj Ab. Samad (Tuan Tabal) mempunyai senarai tugas yang berikut:<sup>33</sup>

1. Imam Masjid Kota Bharu.
2. Hakim Mahkamah Syariah
3. Mufti
4. Ketua Mesyuarat Ulama.
5. Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Bagaimanapun, berasaskan kepada undang-undang terbaru yang sedang berkuatkuasa sekarang, tugas mufti lebih terjurus ke arah menjadi penasihat Duli Yang Maha Mulia Sultan/Yang DiPertuan Agong berkenaan semua perkara hukum syarak dan menjadi pihak berkuasa utama di negeri berkenaan selepas daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan/Yang DiPertuan Agong kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh Enakmen berkenaan.<sup>34</sup>

Khusus mengenai fatwa, mufti hanya berkewajipan untuk membuatnya apabila ada perintah daripada Sultan/Yang DiPertuan Agong supaya dia melakukannya. Dalam keadaan lain dia boleh sama ada untuk membuat apa-apa fatwa atau sebaliknya, sama

---

<sup>31</sup> Mat Kasim bin Abdul Majid (Nov 1981), *Sultan Abdul Hamid Shah (1864-1945) pengasas Kedah Modern*, Bil. 1, Jld. 9. Alor Setar: Lindungan Bulan, h. 17; Abdul Manaf bin Sa'ad (1976), "Suatu Kajian Ringkas Mengenai Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik" dalam *Kedah Dari Segi Sejarah*. Alor Setar, h. 19.

<sup>32</sup> Ismail Awang (1988), *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Tanah Melayu*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Kelantan, h. 209.

<sup>33</sup> *Pengasuh*, Bil. 33, 25 Oktober 1919. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan, h. 7.

<sup>34</sup> Lihat misalnya: Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor No. 21 Tahun 1989, Sek. 30; Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan No. 1/1991, Sek. 29; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang, No. 3/1991, Sek. 35; Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka, No. 5/1991, Sek. 29; Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan/1993, Sek. 33.

ada berdasarkan daya usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana pihak kepadanya.<sup>35</sup>

Yang dimaksudkan dengan fatwa dalam konteks ini ialah kenyataan mufti yang diwartakan. Sedangkan apa sahaja kenyataan yang tidak diwartakan tidak dinamakan sebagai fatwa.<sup>36</sup> Sebaliknya ia dinamakan sebagai pendapat sahaja.<sup>37</sup>

Berasaskan kepada kenyataan-kenyataan di atas, di Malaysia hanya mufti sahaja yang berkuasa mengeluarkan fatwa, sedangkan orang lain tidak. Bagaimanapun, bukan semua kenyataan mufti itu fatwa, sebaliknya ia tertakluk kepada prosedur atau prosedur-prosedur tertentu. Antara prosedur berkenaan ialah pewartaan.

Satu prosedur lain ialah fatwa berkenaan perlu berasaskan kepada keputusan jawatankuasa perundangan hukum syarak<sup>38</sup> yang dipengerusikan oleh mufti sendiri.<sup>39</sup> Malah, adalah suatu amalan baik bagi mufti dan jawatankuasa perunding berkenaan mengasaskan fatwa berkenaan atas kajian dan penyelidikan tertentu yang dibuat oleh mana-mana pihak yang wajar.<sup>40</sup>

---

<sup>35</sup> Lihat misalnya: Negeri Sembilan, *Ibid.*, Sek. 30(1); Pahang, *Ibid.*, Sek. 36(1); Melaka, *Ibid.*, Sek. 30(1); Wilayah Persekutuan, *Ibid.*, Sek. 34(1); Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, 1993, Sek. 36(1).

<sup>36</sup> Lihat misalnya: Negeri Selangor, *op.cit.*, Sek. 31(2); Negeri Sembilan, *Ibid.* Sek. 30(2); Negeri Melaka, *Ibid.*, Sek. 30(2); Pulau Pinang, *Ibid.* Sek. 36(2); Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak, 1992, Sek. 34(2); Wilayah Persekutuan, *Ibid.* Sek. 34(2). Bagaimanapun, terdapat sedikit kesamaran dalam masalah ini dalam undang-undang bagi Negeri Melaka. Lihat: Melaka, *op.cit.*, Sek. 30(1).

<sup>37</sup> Lihat misalnya: Negeri Selangor, *Ibid.*, Sek. 31(1); Negeri Sembilan, *Ibid.*, Sek. (30(1). Negeri Pahang, *op.cit.*, Sek. 36(1); Pulau Pinang, *Ibid.*, Sek. 36(1); Negeri Perak, *Ibid.*, Sek. 34(1); Wilayah Persekutuan, *Ibid.*, Sek. 34(1).

<sup>38</sup> Bagaimanapun, nama bagi jawatankuasa ini berbeza-beza hampir di setiap negeri. Di Selangor, Pahang dan Wilayah Persekutuan misalnya jawatankuasa ini dinamakan sebagai Jawatankuasa Perundangan Hukum Syara', di Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Melaka dan Perak ialah Jawatankuasa Syariah, di Kelantan, Jema'ah Ulama manakala di Terengganu pula ia dinamakan Jawatankuasa Fatwa.

<sup>39</sup> Selangor, *op.cit.*, Sek. 34; Negeri Sembilan, *op.cit.* Sek. 33; Pulau Pinang, *op.cit.*, Sek. 39; Melaka, *op.cit.*, Sek. 33; Perak, *op.cit.*, Sek. 37; Wilayah Persekutuan, *op.cit.*, Sek. 37; Pahang, *op.cit.*, Sek. 39.

<sup>40</sup> Lihat misalnya: Selangor, *Ibid.*, Sek. 34(5); Negeri Sembilan, *Ibid.*, Sek. 33(7); Pulau Pinang, *Ibid.* Sek. 39(6); Melaka, *Ibid.*, Sek. 33(7); Perak, *Ibid.*, Sek. 37(5); Pahang, *Ibid.*, Sek. 39(7).

Bagaimanapun dalam merangka fatwa berkenaan, mufti dan jawatankuasa perundangan berkenaan perlu terikat dengan keutamaan bersandarkan kepada *qaul mu'tamad* dalam mazhab Syafi'i, mazhab empat dan kemudiannya apa sahaja pandangan yang wajar. Pengukuran dalam menentukan keutamaan ini ialah kepentingan awam.<sup>41</sup>

Fatwa-fatwa yang dikeluarkan dan diwartakan ini adalah mengikat semua mahkamah dalam negeri berkenaan dan mengikat semua orang Islam di dalamnya kecuali dalam hal-hal peribadi, kepercayaan atau pendapat yang dibenarkan oleh hukum syarak untuk menyimpang daripada fatwa itu.<sup>42</sup>

## Masalah dan Cabaran

Dalam strukturnya yang ada di Malaysia sekarang, fatwa bukan lagi merupakan pandangan akademik semata-mata. Ia lebih bersifat pandangan rasmi kerajaan yang memerintah, dan mufti adalah seorang penjawat awam yang ditugaskan dalam urusan berkenaan bagi pihak Duli-Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong atau Baginda Sultan, mengikut yang berkenaan, sebagai pemegang kuasa agama tertinggi di negeri masing-masing.

Dalam hal-hal yang rasmi seperti ini, seperti juga para penjawat awam yang lain, mufti tidak akan mengeluarkan kenyataan bagi pihak dirinya sendiri, tetapi sebaliknya bagi pihak penguasa agama negeri, iaitu Sultan. Malah, "pewartaan" yang merupakan sebagai sebahagian daripada proses pengeluaran fatwa berkenaan telah menjadikan mufti bukan satu-satunya pihak yang berkuasa mengeluarkan fatwa. Sebaliknya mufti hanyalah sebahagian daripada institusi fatwa berkenaan. Hal ini menjadi lebih nyata apabila diambil kira kedudukan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak/Jawatankuasa Syariah/Jawatankuasa Fatwa/Jemaah Ulama yang terdapat di negeri-negeri berkenaan yang mengikat kuasa-kuasa mufti dalam mengeluarkan fatwa.

Menyedari hal ini, mufti bukan ulama biasa yang boleh memperkatakan tentang apa sahaja berasaskan pandangan akademik semata-mata. Sebaliknya, ulama

---

<sup>41</sup> Lihat misalnya: Selangor, *Ibid.* Sek. 36; Negeri Sembilan, *Ibid.*, Sek. 35; Pulau Pinang, *Ibid.*, Sek. 41; Melaka, *Ibid.*, Sek. 35; Perak, *Ibid.*, Sek. 39; Pahang, *Ibid.* Sek. 40.

<sup>42</sup> Lihat misalnya: Selangor, *Ibid.* Sek. 31; Negeri Sembilan, *Ibid.*, Sek. 30; Pulau Pinang, *Ibid.*, Sek. 36; Perak, *Ibid.*, Sek. 34; Wilayah Persekutuan, *Ibid.*, Sek. 34; Pahang, *Ibid.* Sek.36.

rasmi kerajaan yang bercakap sebagai lidah rasmi pemerintah dan percakapannya dilihat sebagai ketentuan yang ada kuatkuasa atas institusi pemerintahan negeri/negara.

Berasaskan kepada realiti ini juga, benarlah kata-kata atau peraturan yang menghendaki bahawa tiada siapa yang berhak mengeluarkan fatwa kecuali mufti. Kerana fatwa dalam konteks berkenaan berbeza dengan fatwa dalam konteks asal iaitu menjawab persoalan tentang hukum daripada siapa sahaja dan untuk siapa sahaja.

Oleh kerana itu seorang mufti yang bijak dan beretika akan sentiasa tahu menjaga kedudukannya sebagai penjawat awam dan lidah rasmi kerajaan yang memerintah. Beliau harus tahu membezakan antara pandangan peribadinya sendiri dan pandangan rasmi kerajaan berdasarkan proses tertentu. Oleh kerana beliau bukan ulama biasa yang memikul tanggungjawab keilmuan dan dakwah maka fungsi keulamaan seperti itu tidak lagi menjadi fokusnya. Kerana itu dalam klasifikasi institusi masyarakat dan negara, mufti tidak digolongkan dalam golongan ulama tetapi dalam golongan *'umarā'*.<sup>43</sup> iaitu berasaskan kepada pandangan-pandangan para ahli tafsir dalam tafsiran mereka tentang istilah "*'Ūlu al-amri min kum*" dalam ayat 59 surah al-Nisā'.<sup>44</sup>

Begitu juga seorang mufti yang beretika tidak akan membuat kenyataan umum atas hal-hal yang bukan merupakan fatwa rasmi dan tahu mengelakkan diri dari terjebak ke dalam isu-isu semasa yang belum ada pandangan rasmi jawatankuasa fatwa atau sebagainya. Ini bagi mengelak kekeliruan di kalangan orang ramai, malah pihak kerajaan sendiri. Antara perkara lain yang tidak sesuai dengan etika seorang mufti dalam konteks realiti yang ada sekarang ialah membuat kenyataan-kenyataan politik melalui media, memberi ceramah umum yang melibatkan soal hukum dan sebagainya.

Malah, walaupun ada badan-badan yang bersifat perkumpulan para mufti, ia perlu dilihat sebagai badan profesional yang lebih memfokuskan kepada usaha mempertingkatkan lagi profesionalisme di kalangan mereka. Sehubungan dengan ini badan atau majlis seperti itu perlu mempunyai agenda kerja yang teratur bagi memenuhi keperluan utamanya, iaitu bagaimana menjadikan fatwa lebih berkesan dalam memandu kerajaan dan masyarakat ke arah kehendak Islam yang sebenar. Oleh yang demikian badan atau majlis seperti itu tidak boleh bersikap sebagai NGO yang lebih bersifat badan sosial dan sebagainya.

---

<sup>43</sup> Lihat: Ahmad Ali Taha Raiyan (1995), *Dawābiṭ al-Ijtihād Wa al-Fatwā*. al-Manṣūrah: Dār al-Wafā', h. 77.

<sup>44</sup> *Ibid.*

Adalah menarik sekali bahawa fatwa di Malaysia tidak boleh dikeluarkan kecuali setelah dibincangkan dalam jawatankuasa perundingan hukum syarak, atau seumpamanya. Ini kerana ia lebih terjamin dari segi ketepatan berbanding kalau ia merupakan pandangan mufti seorang sahaja. Dalam berijtihad terdapat satu prinsip yang dikenali sebagai “*ijtihad jamā’i*”, yang boleh diterjemahkan sebagai “ijtihad secara berkumpulan”. Dalam ijtihad seperti ini berbagai-bagai kepakaran boleh diambil kira bagi tujuan menentukan hukum yang paling tepat dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah dan memberi kebaikan kepada masyarakat.

Tinggal lagi, apakah jawatankuasa perunding berkenaan telah menentukan peranannya dengan tepat dan memuaskan? Bukan di sini perbincangan yang sesuai dilakukan.

Satu perkara lain yang wajar di ketengahkan di sini ialah fatwa-fatwa para mufti ini memerlukan kepada kritikan akademik daripada para ulama lain. Dengan cara ini fatwa-fatwa berkenaan akan menjadi lebih halus dan tepat dengan kebenaran. Peruntukan undang-undang yang membolehkan mufti meminda, mengubah atau membatalkan mana-mana fatwa yang terdahulu<sup>45</sup> amat berguna sekali bagi tujuan ini.

## Penutup

Hakikat bahawa fatwa itu merupakan pandangan akademik para fuqaha yang lebih tertakluk kepada prinsip dan nilai intelektual yang anjal tidak lagi merupakan suatu realiti yang sebenarnya setelah mufti-mufti rasmi dilantik oleh kerajaan yang memerintah.

Prinsip memberi fatwa secara bebas dalam batas-batas kewajaran akademik dan intelektual semata-mata itu sebenarnya suatu prinsip yang amat baik. Prinsip inilah yang telah diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. dan diamalkan seterusnya sampailah ke zaman kegemilangan pengajian hukum Islam yang telah mewariskan kepada masyarakat dunia gedung warisan ilmu fiqh yang sangat besar dan berharga itu.

Bagaimanapun, perubahan masyarakat selepas itu memerlukan aktiviti fatwa ini di institusikan secara teratur, sama seperti institusi lain, misalnya pengadilan.

---

<sup>45</sup> Lihat misalnya: Selangor, *op.cit.*, Sek. 33; Negeri Sembilan, *op.cit.*, Sek. 32; Pulau Pinang, *op.cit.*, Sek. 38; Melaka, *op.cit.*, Sek. 32; Perak, *op.cit.*, Sek. 37(5); Wilayah Persekutuan, *op.cit.*, Sek. 36; Pahang, *op.cit.*, Sek. 38.

Sehubungan dengan ini para fuqaha membezakan antara fungsi seorang qadi dan fungsi seorang mufti.<sup>46</sup>

Meskipun ia bertentangan dengan tradisi sebenar keilmuan Islam, pelantikan mufti rasmi ini dibenarkan oleh Siasah Syar'iyah, iaitu polisi semasa pentadbiran yang berasaskan kepada kepentingan umum selagi tidak bertentangan dengan nas dan prinsip umum Syariah.<sup>47</sup>

Dengan pelantikan itu mufti berkenaan bukan lagi berada dalam kategori "Ulama" tetapi sudah berpindah kepada kategori "*Umarā*" yang mempunyai fungsi dan etika kerja yang berbeza. Bagaimanapun, sifat keulamaannya perlu dikekalkan bagi menjamin bahawa fatwa yang dikeluarkan tetap menjiwai kehendak keilmuan dan keintelektualan yang sangat dipandang penting oleh Islam.

Dalam realiti seperti ini fatwa bukan lagi pandangan akademik yang tidak mengikat. Sebaliknya ia merupakan keputusan pemerintah mengikut semua pihak, termasuk ahli akademik sendiri dalam hal-hal yang berkait dengan struktur dan polisi pemerintahan.

Kebijaksanaan seorang mufti banyak bergantung kepada kesedaran beliau sendiri tentang hakikat ini. Selain itu media massa juga perlu faham dengan etika yang berkaitan supaya ia boleh memainkan peranan ke arah mewujudkan masyarakat yang baik.

---

<sup>46</sup> Lihat: Ahmad Ibn Hamdan al-Harrāni, *op.cit.*, h. 29.

<sup>47</sup> Lihat: Ibn Qayyim al-Jauziyah (1953), *al-Turuq al-Hukmiyyah Fī al-Siyāsah al-Syar'īyyah*, Kaherah: Matba'ah al-Sunnah al-Muhammadiyah, h. 4.

